



KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 3 TAHUN 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PELAKSANAAN PROJEK KERJA BERNILAI TIDAK MELEBIHI RM5 JUTA BAGI JABATAN BUKAN TEKNIK

Tujuan

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan menetapkan peraturan mengenai pelaksanaan projek kerja bernilai tidak melebihi RM5 juta oleh Jabatan Bukan Teknik.

Latar Belakang

2. Arahan Perbendaharaan (AP) 182 telah menetapkan supaya semua **Jabatan Bukan Teknik (Agensi)** merujuk kepada Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya/Jabatan Pengairan dan Saliran) sebelum melaksanakan sesuatu projek kerja. Perkhidmatan perunding hanya boleh diperolehi setelah Jabatan Teknik mengesahkan tidak berkemampuan untuk melaksanakan projek kerja tersebut.

3. Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Jemaah Menteri telah bersetuju membenarkan projek kerja yang bernilai tidak melebihi RM5 juta dilaksanakan sendiri oleh Agensi tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Teknik.

Tatacara Pelaksanaan

4. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri di atas, Kementerian Kewangan telah menetapkan peraturan bagi pelaksanaan projek kerja yang bernilai tidak melebihi RM5 juta oleh Agensi seperti berikut:

- i. Semua projek kerja yang bernilai tidak melebihi RM5 juta boleh dilaksanakan sendiri oleh Agensi tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Teknik. Namun demikian, projek kerja tersebut hendaklah diuruskan mengikut prosedur dan peraturan perolehan semasa yang telah ditetapkan dan hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor bertaraf Bumiputera sahaja;
- ii. Semua Agensi dibenarkan melantik perunding berdasarkan prosedur dan peraturan perolehan pelantikan perkhidmatan perunding semasa. Pelantikan PMC adalah tidak dibenarkan; dan
- iii. Agensi adalah dilarang sama sekali memecahkecilkan projek kerja yang bernilai melebihi RM5 juta bagi membolehkannya melaksanakan sendiri projek dan melantik juruperunding.

5. Agensi masih boleh menyerahkan projek kerja kepada Jabatan Teknik untuk dilaksanakan sekiranya agensi memilih untuk berbuat demikian dan dipersetujui oleh Jabatan Teknik.

6. Pelantikan juruperunding hendaklah dibuat di kalangan firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Pemilihan hendaklah dilaksanakan secara adil dan saksama serta tidak tertumpu kepada sesuatu firma perunding sahaja.

Tanggungjawab Agensi

7. Agensi hendaklah mewujudkan satu mekanisma pemantauan bagi projek kerja yang dilaksanakan sendiri untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar dan selaras dengan sistem pemantauan projek yang telah ditetapkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), Jabatan Perdana Menteri.

8. Agensi adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan projek kerja yang diuruskan sendiri dan akauntabiliti terletak di bawah tanggungjawab Pegawai Pengawal Agensi masing-masing.

9. Surat tawaran pelantikan dan kelulusan kos perkhidmatan perunding serta pelantikan kontraktor kerja hendaklah disalinkan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.


Kuat Kuasa

10. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa serta merta dari tarikh SPP ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Izzuddin bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

28 Ogos 2006

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara
Ketua Pengarah UPE
Ketua Pengarah UPP
Ketua Pengarah Kerja Raya
Semua Pegawai Kewangan Negeri